

# BAB 1: METODOLOGI FUQAHA' DALAM MENTAFSIR AYAT HUKUM

## 1.1 Pendahuluan

Dalam bab satu penulis akan membawa perbincangan berkenaan dengan definisi tafsir ayat-ayat hukum dan sejarah pertumbuhan dan perkembangannya. Dalam bab ini juga, penulis akan mengemukakan pembahagian ayat-ayat hukum dan seterusnya diakhiri dengan metodologi tafsir ayat-ayat hukum.

## 1.2 Pengenalan Tafsir Ayat-ayat Hukum

Terdapat dua tujuan utama al-Quran diturunkan iaitu yang pertama ialah untuk menyucikan akidah (*Taṣhīḥ al-'Aqīdah*) dan yang kedua ialah untuk meluruskan jalan (*Taqwīm al-Sulūk*).<sup>28</sup> Tujuan yang pertama wujud melalui ayat-ayat akidah sedangkan tujuan yang kedua merangkumi ayat-ayat hukum.

Tafsir ayat hukum biasanya disebut dengan nama *tafsīr al-Fuqahā'* ataupun *tafsīr āyāt aḥkām*.<sup>29</sup> Disebut *tafsīr al-Fuqahā'* kerana adanya hubungan secara langsung antara ayat-ayat hukum dengan bidang ilmu fiqh yang semestinya mendapat perhatian utama dari pada ahli fiqh. Oleh itu kebanyakan tokoh yang menulis tafsir ini terdiri daripada fuqaha'. Sementara disebut *tafsīr āyāt aḥkām* kerana berdasarkan kepada pengkhususan bidang kajian tafsir ini yang hanya difokuskan kepada ayat-ayat hukum sahaja.<sup>30</sup>

---

<sup>28</sup> Fahd bin 'Abd al-Raḥmān bin Sulaymān al-Rūmī (1992), *Usūl al-Tafsīr wa Manāhijuh*, T.T.P : T.P., h. 91.

<sup>29</sup> Mat Saad Abd. Rahman (1983), *Pengantar Tafsir ayat-ayat Hukum*, Selangor : Ikatan Studi Islam UKM, h. 1.

<sup>30</sup> Humaedi (2006), *Metodologi Pentafsiran Ayat Hukum al-Baghawī Dalam Ma'ālim al-Tanzīl*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 71.

Seterusnya penulis akan membincangkan tentang makna ayat, hukum dan makna tafsir. Daripada makna-makna ini, penulis akan membuat kesimpulan secara keseluruhan makna tafsir ayat hukum.

a) Makna ayat.

Terdapat beberapa makna ayat dari sudut bahasa iaitu:

i- *Al-'Alāmah* iaitu tanda.<sup>31</sup>

ii- *Al-Qiṣah wa al-Risālah* iaitu kisah dan perkhabaran.<sup>32</sup>

iii- *Al-Jamā'ah* iaitu kumpulan. Kata al-Qurṭubī dinamakan *al-Āyah* kerana ia merupakan kumpulan huruf al-Quran.<sup>33</sup>

iv- *Al-Amr al-'Ajīb* iaitu perkara yang pelik. Pelik kerana ia boleh melemahkan manusia untuk berkata-kata seperti ini.<sup>34</sup>

Dalam kamus *al-Qur'an al-Karīm al-Madkhal*, ayat ialah dalil atau tanda yang jelas. Contohnya dikatakan mukjizat para nabi itu adalah satu tanda kerana ia merupakan tanda kebenaran mereka. Makna pada istilah pula ialah kesatuan bilangan surah. Dikatakan *al-jumlah* al-Quran adalah sebagai satu ayat kerana ia menandakan potongan perkataan demi perkataan atau menandakan terkandung di dalamnya hukum-hukum, adab-adab dan seumpamanya.<sup>35</sup>

---

<sup>31</sup> Muḥammad Ṣafā al-Shaikh Ibrāhīm Ḥaqqī (2003), *'Ulūm al-Qur'ān Min Khilāl Muqaddimāt al-Tafāsīr*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 140.

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 142.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 143.

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 143.

<sup>35</sup> 'Abdullah Yūsuf al-Ghanaim (et.al) (1992), *Qāmūs al-Qur'ān al-Karīm al-Madkhal*, Kuwait: Mu'assasah al-Kuwait, h. 32.

b) Makna hukum.

Makna hukum ialah tetap dan tiada pertentangan atau ikhtilaf. Ia jelas maknanya.<sup>36</sup> Mujāhid telah berkata bahawa termasuk dalam ayat-ayat *muḥkam* ialah perkara yang halal dan haram. Manakala daripada Ibn Abī Ḥātim telah berkata bahawa termasuk dalam ayat hukum ialah perintah-perintah Allah. Menurut Yaḥya bin Yu‘ammār, hukum ialah perkara fardhu, perintah dan larangan Allah dan perkara yang halal.<sup>37</sup> Secara umumnya, bila dikatakan ayat-ayat hukum ialah ayat-ayat al-Quran yang berisikan tentang masalah-masalah hukum.<sup>38</sup>

c) Makna tafsir.

Perkataan tafsir berasal dari kalimah *al-fasr* (الفسر) yang bermakna *izhār* (إظهار) iaitu nyata. Kalimah tafsir dikhususkan untuk pengertian sesuatu lafaz.<sup>39</sup> Dalam kitab *al-Mu‘jam al-Wajīz*, perkataan ini berasal daripada kalimah *fassara* (فسر) yang bererti menjelaskan sesuatu. Bila dikatakan *fassara ayāt al-Qur‘ān*, ia bermakna mensyarah dan menjelaskan ayat al-Quran dari sudut makna-makna, rahsia-rahsia dan hukum-hukum. Bila disebut tafsir al-Quran, maka ia adalah sebahagian dari ilmu Islam yang memberi penjelasan tentang makna-

---

<sup>36</sup> ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī (2003), *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur‘an*, j.2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 3.

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 4.

<sup>38</sup> Noventa Yudiār (2009), “Metode Tafsir Quraish Shihab Tentang Ayat Hukum Dan Relevansinya Terhadap Pengembangan Hukum Keluarga Islam di Indonesia”, *Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, Vol. 2, No. 1, Februari 2009, h. 21.

<sup>39</sup> Al-Rāqhib al-‘Asfahānī (t.t), *op.cit.*, h. 636.

makna al-Quran dari sudut kepercayaan-kepercayaan, rahsia-rahsia, hikmah-hikmah dan hukum-hukum.<sup>40</sup>

Al-Jurjānī memberikan takrif kalimah tafsir iaitu mengikut sudut bahasa ia bermakna *al-kashf* (الكشف) dan *al-izhār* (إظهار). Makna mengikut istilah syarak pula ialah penjelasan makna ayat al-Quran dan hal-hal yang berkaitan dengannya, kisah-kisah yang terdapat di dalamnya dan sebab penurunan ayat dengan menggunakan ungkapan atau keterangan yang dapat menunjukkan kepada makna yang dikehendaki secara jelas dan terang.<sup>41</sup>

Dalam kitab *Manāhil al-'Irfān*, Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī memberi definisi kalimah tafsir iaitu ilmu yang membincangkan tentang al-Quran dari sudut *dilālahnya* sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah mengikut kadar kemampuan manusia.<sup>42</sup> Manakala definisi al-Zarkashī terhadap kalimah ini ialah ilmu yang berkaitan dengan penurunan ayat yang merangkumi surah-surah, kisah-kisah dan isyarat-isyarat penurunannya, susunan ayat Makkiyah dan Madaniyyah, ayat-ayat *muḥkam* dan *mutashābih*, ayat *nāsikh* dan *mansūkh*, ayat khusus dan umum, ayat *muṭlaq* dan *muqayyad* serta ayat *mujmal* dan *mufaṣṣal*. Termasuk dalam pengertian ini ialah ilmu yang membincangkan tentang halal dan haram, janji baik dan janji buruk, ayat perintah dan larangan dan seumpamanya. Manakala pendapat atau kata-kata yang bersumberkan akal (*al-Ra'y*) adalah ditegah.<sup>43</sup>

<sup>40</sup> Dr.Ibrāhīm Madkūr (1996), *al-Mu'jam al-Wajīz*, T.T.P., h. 471.

<sup>41</sup> 'Alī bin Muḥammad al-Jurjānī (t.t), *Kitab al-Ta'rīfāt*, Jeddah : al-Haramain, h.63.

<sup>42</sup> Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (t.t), *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, T.T.P., j.2, h.3.

<sup>43</sup> Badr al-Dīn Muḥammad bin 'Abd Allah al-Zarkashī (1957), *Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 2, T.T.P. :Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, h.148.

Takrif tafsir oleh Abū Hayyān ialah ilmu yang membincangkan tentang cara-cara menyebut lafaz al-Quran dan *madlū*nya, juga berkaitan dengan hukum-hukumnya secara *ifrād* dan *tarkīb*. Termasuk dalam takrif ini juga ialah makna-makna al-Quran yang diberikan dalam keadaan lafaz-lafaz yang *tarkīb* dan berkenaan dengan perkara-perkara yang melengkapinya. Abū Hayyān Memperincikan takrif tafsir ini, iaitu:<sup>44</sup>

- 1- Ilmu berkenaan dengan cara-cara menyebut lafaz al-Quran iaitu ilmu *al-Qirā'at*.
- 2- *Madlūl* : petunjuk ke atas lafaz-lafaz al-Quran iaitu ilmu *lughah*.
- 3- Hukum-hukum al-Quran secara *ifrād* dan *tarkīb* iaitu merangkumi ilmu *al-Tasrīf*, ilmu *al-I'rāb*, ilmu *al-Bayān*, dan ilmu *al-Badī'*.
- 4- Makna al-Quran terhadap lafaz yang *tarkīb* iaitu merangkumi makna hakiki dan *majāzī*.
- 5- Perkara yang melengkapinya iaitu pengetahuan tentang *al-Nāsīh wa al-Mansūh*, *asbāb al-Nuzūl*, kisah-kisah al-Quran dan seumpamanya.

Kesimpulannya, daripada definisi-definisi dan pengertian-pengertian kalimah tafsir di atas, ia bukanlah satu pengertian yang bertentangan atau berlawanan tetapi merupakan satu persamaan pengertian yang diolah dengan pelbagai gaya bahasa. Sebahagiannya memberi pengertian yang ringkas dan umum dan sebahagian lain mendefinisikannya dengan pengertian yang terperinci dan khusus. Oleh itu, penulis menyenaraikan beberapa aspek yang disentuh oleh ulamak-ulamak dalam memberi pengertian kalimah tafsir. Iaitu:

---

<sup>44</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī Dr. (2000), *op.cit.*, j.1, h. 16.

- 1- Tafsir merupakan sejenis ilmu ( satu bidang ilmu) yang termasuk dalam bidang keilmuan Islam.
  - 2- Perbincangan dalam ilmu tafsir itu adalah berkenaan tentang makna-makna al-Quran sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah.
  - 3- Tafsir ayat al-Quran adalah tertakluk kepada kadar kemampuan manusia.
  - 4- Antara aspek-aspek perbincangan dalam ilmu tafsir ini ialah:
    - a- Sebab penurunan ayat.
    - b- Surah-surah dalam al-Quran
    - c- Kisah-kisah dalam al-Quran
    - d- Cara-cara menyebut lafaz al-Quran (*'ilmu al-Qirā'at*)
    - e- Ayat-ayat *muḥkām* dan *mutasyābih*
    - f- Ayat-ayat *nāsikh* dan *mansūkh*
    - g- Ayat-ayat khusus dan umum
    - h- Ayat-ayat *muṭlaq* dan *muqayyad*
    - i- Ayat-ayat *mujmal* dan *mufaṣṣal*
    - j- Ayat-ayat yang berkaitan dengan halal dan haram
    - k- Ayat-ayat yang berkaitan dengan janji-janji baik dan buruk
    - l- Ayat-ayat yang berkaitan dengan perintah dan larangan
- d) Makna tafsir ayat-ayat hukum secara istilah.

Daripada pengertian makna ayat, makna hukum dan makna tafsir di atas, maka penulis menyimpulkan bahawa tafsir ayat-ayat hukum ialah ilmu yang membincangkan tentang pentafsiran terhadap ayat-ayat hukum yang terdapat dalam al-Quran meliputi ayat-ayat perintah dan larangan, ayat tentang halal dan

haram, ayat tentang adab-adab, ayat tentang janji baik dan buruk dan seumpamanya.

### 1.3 Sejarah Perkembangan Tafsir Fuqaha'

Sejarah perkembangan tafsir fuqaha' telah mengalami perkembangannya bermula dari zaman pertumbuhannya hingga kepada zaman penulisan dan pembukuan ilmu tafsir. Dalam topik ini, penulis akan membincangkan tentang pertumbuhan dan perkembangan tafsir fuqaha di peringkat awal dan karya-karya ulamak dalam tafsir ayat hukum serta metodologi dan corak yang berkembang pada setiap zaman.

#### 1.3.1 Pertumbuhan dan perkembangan di peringkat awal

Sejarah pertumbuhan dan perkembangan di peringkat awal telah mengalami empat zaman utama iaitu:

##### a) Zaman Rasulullah s.a.w.

Syariat pada zaman Rasulullah s.a.w berlangsung selama lebih kurang 22 tahun, 2 bulan dan 22 hari.<sup>45</sup> Ayat perundangan iaitu ayat-ayat hukum yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. kebiasaannya adalah jawapan kepada peristiwa yang berlaku dalam masyarakat Islam ketika itu. Peristiwa-peristiwa inilah yang dinamakan sebagai *asbāb al-Nuzūl*.<sup>46</sup> Contohnya, penurunan surah al-Lahab ada kaitannya dengan apa yang berlaku pada Abū Lahab. Firman Allah Taala:

---

<sup>45</sup> Muḥammad al-Khuḍarī (1965), *Tārikh al-Tasyri' al-Islāmī*, Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 5.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 13.

تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ \* مَا أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُ وَمَا كَسَبَ \* سَيَصْلَىٰ نَارًا  
ذَاتَ لَهَبٍ \* وَأَمْرَأَتُهُ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ \* فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ \*

Surah al-Lahab (111): 1-5

Dalam riwayat al-Bukhārī, sebab penurunan surah al-Lahab ini ialah:

Pada suatu ketika Rasulullah s.a.w. naik ke Bukit Safa lalu berseru: "Marilah berkumpul pada pagi hari ini". Maka berkumpul kaum Quraisy. Kemudian Rasulullah bersabda: "Bagaimana pendapat kalian semua, seandainya aku beritahu bahawa musuh akan datang pada esok pagi atau petang, apakah kalian semua akan percaya kepadaku?". Kaum Quraisy menjawab: "Pasti kami percaya". Kemudian Rasulullah bersabda lagi: "Aku memberi peringatan kepada kalian semua bahawa seksaan Allah yang dahsyat akan datang". Berkatalah Abu Lahab: "Celaka engkau! Apakah hanya untuk ini engkau kumpulkan kami?". Maka turulah ayat ini berhubung dengan peristiwa di atas yang menceritakan bahawa kecelakaan itu akan terkena kepada orang yang memfitnah dan menghalang agama Allah.<sup>47</sup>

Rasulullah s.a.w. akan menerangkan apa yang dikehendaki dalam al-Quran melalui kata-kata baginda atau melalui perbuatan atau melalui kedua-duanya sekali.<sup>48</sup> Pada zaman itu masyarakat Islam mudah memahami al-Quran kerana mereka mempunyai kemahiran dalam bahasa Arab. Sekiranya ada kemusykilan, umat Islam ketika itu akan merujuk kepada Rasulullah s.a.w.<sup>49</sup> Ringkasnya asas perundangan pada zaman Rasulullah ialah al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah s.a.w.<sup>50</sup>

<sup>47</sup> Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (2004), *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*, K.H.Q. Shaleh (terj.), Kuala Lumpur: Victory Agency, h. 930.

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 35.

<sup>49</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī(2000), *op.cit.*, j. 2, h. 467.

<sup>50</sup> Muḥammad al-Khuḍarī (1965), *op.cit.*, h. 40.



b) Zaman sahabat

Bermulanya zaman sahabat ialah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman mereka menuntut kepada istinbat hukum syarak. Oleh itu para sahabat pada zaman itu akan merujuk kepada al-Quran terlebih dahulu dan sekiranya tidak didapati di dalam al-Quran, mereka akan merujuk kepada sunnah Rasulullah s.a.w. Sekiranya mereka tidak mendapati sesuatu hukum itu di dalam al-Sunnah, maka mereka akan berijtihad dan menggunakan pandangan mereka dengan berasaskan al-Quran dan al-Sunnah.<sup>51</sup> Al-Khuḍarī dalam kitab tarikhnya meletakkan ijmak ulamak sebagai sumber perundangan yang keempat.<sup>52</sup>

Para sahabat apabila mereka memberi pandangan maka pandangan tersebut adalah untuk diri mereka dan tidak menjadikannya sebagai satu syariat serta tidak wajib beramal dengannya. Ini jelas dengan kata-kata Abū Bakr r.a. yang berijtihad dengan pandangannya, dengan katanya: Ini adalah pandanganku, sekiranya ia betul maka ia adalah daripada Allah dan sekiranya ia salah maka ia adalah daripadaku dan aku berisytighfar kepada Allah.<sup>53</sup>

Situasi yang perlu dimaklumi juga ialah pada zaman sahabat berlakunya perbezaan pandangan dalam memahami sesuatu ayat sehingga berbeza sesuatu hukum. Contohnya ialah khilaf antara ‘Umar r.a. dan ‘Alī r.a. dalam menentukan ‘*iddah* bagi perempuan hamil yang

---

<sup>51</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī(2000), *op.cit.*, j. 2, h. 467.

<sup>52</sup> Muḥammad al-Khuḍarī (1965), *op.cit.*, h. 117.

<sup>53</sup> *Ibid.*

kematian suami. Pada pandangan ‘Umar r.a. *‘iddah* perempuan hamil yang kematian suami ialah sehingga ia melahirkan anak manakala bagi ‘Alī r.a. ialah mengikut mana yang lebih jauh masanya antara empat bulan 10 hari dengan masa melahirkan anak. Perselisihan ini disebabkan pertentangan antara dua nas dalam al-Quran. Dalam al-Quran Allah menjadikan *‘iddah* perempuan hamil yang ditalak ialah dengan melahirkan anak dan *‘iddah* perempuan yang kematian suami ialah 4 bulan 10 hari. Lalu ‘Alī r.a. beramal dengan kedua-dua ayat ini iaitu setiap satu ayat daripada kedua-duanya mengkhususkan keumuman ayat yang satu lagi. Manakala ‘Umar r.a. berpendapat bahawa ayat talak telah mengkhususkan ayat yang satu lagi dan dikuatkan dengan peristiwa yang berlaku kepada Sabī‘ah bint al-Ḥarith al-Aslamiyyah yang kematian suaminya. Beliau melahirkan anak selepas kematian suami, lalu Rasulullah s.a.w. mengizinkan berkahwin.<sup>54</sup>

c) Zaman bermulanya mazhab fiqh

Pada zaman ini lahirnya empat mazhab dan selain daripadanya dan berlakunya peristiwa-peristiwa baru yang memerlukan istinbat hukum. Imam-imam yang empat ini melihat peristiwa-peristiwa baru yang berlaku ini di bawah cahaya al-Quran dan al-Sunnah dan memberi hukum ke atasnya serta berpegang bahawa ia adalah benar berdasarkan dalil-dalil dan keterangan-keterangan yang mereka perolehi.<sup>55</sup>

---

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 120.

<sup>55</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī(2000), *op.cit.*, j. 2, h. 469.

Adakalanya mereka bersepakat tentang sesuatu hukum ke atas peristiwa-peristiwa tersebut dan adakalanya berlaku khilaf antara mereka. Keadaan ini kerana berbezanya mereka memahami sesuatu dalil. Walaupun banyak berlaku khilaf antara mereka tetapi mereka tidak taksub dengan aliran atau pandangan mereka, bahkan mereka berusaha mencari-cari kebenaran dan berusaha memberikan hukum yang sahih. Imam-imam mazhab ini akan merujuk kepada pandangan imam mazhab yang lain sekiranya didapati pandangan tersebut lebih benar.<sup>56</sup>

Sikap jujur ini terlihat dalam diri Imam al-Shāfi‘ī sebagaimana kata-katanya yang bermaksud: ”Ketika hadis itu sahih maka ia adalah mazhabku”, ”Semua orang bergantung dalam masalah fiqh pada Abū Ḥanīfah”, ”Ketika disebutkan tentang hadis, maka Māliklah bintang yang bersinar”. Beliau juga berkata kepada Aḥmad bin Ḥanbal (anak murid beliau dalam bidang fiqh) : ”Apabila ada hadis sahih menurut pandangan engkau maka ajarkanlah kepadaku”.<sup>57</sup>

d) Zaman taqlid dan taksub mazhab

Selepas berakhirnya zaman mazhab yang empat, lahir zaman di mana wujudnya ruh taqlid kepada mazhab-mazhab tersebut dan seterusnya berlakulah apa yang dikatakan sebagai *al-Ta‘sub al-Madhhab*. Suasana pada zaman ini memperlihatkan pengikut-pengikut mazhab yang berpandangan bahawa kata-kata imam mereka sebagai satu nas syarak. Mereka berusaha memenangkan pandangan mazhab mereka

---

<sup>56</sup> *Ibid.*

<sup>57</sup> *Ibid.*

dan cuba untuk mengkritik dan membatalkan pandangan imam-imam mazhab yang lain. Contohnya apa yang berlaku kepada ‘Abdullah al-Karḥī ( M. 340 hijrah). Beliau seorang yang taksub kepada Imam Abū Ḥanīfah dan pernah berkata bahawa: ”Setiap ayat atau hadis yang berbeza dengan sahabat kami adalah termansuh”.<sup>58</sup>

Ringkasnya pada zaman ini, berlakunya perselisihan di antara ulama dengan disertai lahirnya ruh taqlid di antara para imam. Sikap taqlid inilah yang membawa kepada fanatisme mazhab. Perkara ini benar-benar telah membawa mereka sampai pada tahap memandang pendapat para imam mereka seperti mereka memandang pada nas. Mereka memfokuskan kegiatan ilmiah mereka semata-mata untuk menolong mazhab mereka. Mereka juga mengerahkan segala kemampuannya untuk membatalkan pandangan mazhab lain dan membantahnya.<sup>59</sup>

### 1.3.2 Metodologi dan corak yang berkembang pada setiap zaman

Daripada keempat-empat zaman ini dapatlah diambil kesimpulan bahawa perkembangan tafsir ayat-ayat hukum pada setiap zaman mempunyai metode dan coraknya yang tersendiri. Pada zaman Rasulullah s.a.w. tidak terjadi sebarang permasalahan kerana semua masalah dirujuk kepada baginda s.a.w. manakala pada zaman sahabat iaitu selepas kewafatan Rasulullah s.a.w., mulalah lahir perbezaan pandangan dan perbezaan dalam intinbat hukum tetapi semuanya masih dalam batasan yang sewajarnya. Pada masa ini metode yang

---

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 470.

<sup>59</sup> Humaeidi (2006), *op.cit.*, h. 76.

berkembang adalah bentuk pentafsiran berdasarkan teks atau nas, sama ada berupa pentafsiran ayat dengan ayat ataupun pentafsiran dengan menggunakan hadis.<sup>60</sup>

Seterusnya pada zaman lahirnya imam-imam mazhab, berlakunya perbezaan pandangan yang lebih banyak berbanding pada zaman sahabat. Tetapi pada zaman ini masih mewarisi tradisi para sahabat iaitu semua usaha yang dilakukan bertujuan semata-mata mencari kebenaran dan unsur toleransi dikalangan para imam masih wujud lagi. Ringkasnya metode yang berkembang pada zaman ini tidak jauh berbeza dengan zaman sebelumnya iaitu merujuk kepada al-Quran dan hadis serta ditambah sumber syariat lainnya.<sup>61</sup>

Suasana di atas amat berbeza dengan zaman yang keempat iaitu zaman yang terdiri daripada pengikut-pengikut mazhab. Pada zaman ini imam-imam mempunyai tujuan untuk menguatkan mazhabnya masing-masing dan unsur toleransi mulai hilang. Maksudnya pada masa ini fanatisme mazhab mulai wujud hingga sampai pada tahap keterlaluan. Satu sama lain saling menjatuhkan kerana berlakunya pembelaan terhadap mazhab masing-masing. Jelasnya metode yang berkembang pada masa ini berbeza dengan zaman sebelumnya iaitu selain menggunakan metode-metode zaman sebelumnya, yang lebih penting pada zaman ini ialah para imam menjadikan pandangan imamnya sebagai sumber rujukan utama.<sup>62</sup>

---

<sup>60</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī(2000), *op.cit.*, j. 2, h. 470.

<sup>61</sup> *Ibid.*

<sup>62</sup> *Ibid.*

### 1.3.3 Karya-karya ulamak dalam tafsir ayat hukum

Tafsir fuqaha' banyak ditulis oleh ulamak-ulamak dari pelbagai mazhab selepas zaman penulisan. Antara penulisan-penulisan tersebut ialah:

a- Mazhab Ḥanafiah:

- i- Abū Bakr al-Rāzī yang lebih dikenali sebagai al-Jaṣṣāṣ (meninggal pada 370 Hijrah. Beliau menulis kitab yang bertajuk “*Aḥkām al-Qur’an*” yang dicetak dalam tiga jilid yang besar.
- ii- Aḥmad bin Abī Sa’īd iaitu ulamak kurun ke 11 Hijrah yang menulis kitab bertajuk “*al-Tafsīrāt al-Aḥmadiyyah fī Bayān al-Ayāt al-Sharī’iyyah*”. Kitab ini dicetak di India dan terdapat nasakhnya di Perpustakaan Universiti al-Azhar dan Perpustakaan Universiti al-Miṣriyyah.<sup>63</sup>

b- Mazhab Shāfi’iyyah:

- i- Abū Ḥasan al-Ṭabarī yang dikenali sebagai al-Kiyā al-Harrāsī (meninggal pada 504 Hijrah). Tajuk kitab beliau ialah *Aḥkām al-Qur’an*.
- ii- Shihāb al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad bin Yūsuf bin Aḥmad al-Ḥalaby (meninggal pada 756 Hijrah). Kitab beliau bertajuk “*Al-Qawl al-Wajīz Fī Aḥkām al-Qur’an al-‘Azīz*”.
- iii- ‘Alī bin ‘Abdullah Maḥmūd al-Shanfaky iaitu ulamak kurun ke-9 Hijrah. Tajuk kitab beliau ialah “*Aḥkām al-Kitāb al-Mubīn*”.

---

<sup>63</sup> *Ibid.*, h. 471

iv- Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (meninggal pada 911 Hijrah). Kitab beliau bertajuk “*Al-Iklīl Fī Istinbāt al-Tanzīl*”.<sup>64</sup>

c- Mazhab Mālikiyyah:

i- Abū Bakr al-al-‘Arabī (meninggal pada 543 Hijrah) dengan kitabnya yang bertajuk “*Aḥkām al-Qur’an*”.

ii- Abū ‘Abdullah bin al-Qurṭubī (meninggal pada 671 Hijrah) dengan kitabnya yang bertajuk “*Al-Jāmi‘ Li Aḥkām al-Qur’an*”.<sup>65</sup>

#### 1.4 Pembahagian Ayat-ayat Hukum

Hukum-hukum dalam al-Quran merupakan perintah-perintah dan larangan-larangan Allah dan mengandungi masalah-masalah fiqh. Sebahagian ulamak berpendapat bahawa ayat-ayat hukum dalam al-Quran ada 500 ayat atau lebih.<sup>66</sup> Mengikut Sayyid Khalīl dalam kitabnya yang bertajuk *Dirāsāt fī al-Qur’ān*, terdapat perbezaan pendapat di kalangan para fuqaha’ mengenai jumlah ayat hukum dalam al-Quran. Namun dapat disimpulkan bahawa jumlah ayat hukum dalam al-Quran berkisar antara 150 hingga 1100 ayat atau sekitar 2.5 peratus hingga 17.2 peratus dari jumlah keseluruhan ayat al-Quran.<sup>67</sup> Menurut Dr. ‘Abd al-Ghafūr Maḥmūd Muṣṭafā Ja‘far dalam kitabnya bertajuk *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, ayat-ayat hukum ada 3 jenis iaitu *al-I’tiqādiyyah*, *al-‘Amaliyyah* dan *al-Khuluqiyyah*.<sup>68</sup>

---

<sup>64</sup> *Ibid.*, h.472

<sup>65</sup> *Ibid.*

<sup>66</sup> Muḥammad Ṣafā al-Syaikh Ibrāhīm Ḥaqqī (2003), *op.cit.*, h. 264.

<sup>67</sup> Sayyid Khalīl (1972), *Dirāsāt fī al-Qur’an*, Dār al-Ma‘ārif, h.70.

<sup>68</sup> ‘Abd al-Ghafūr Maḥmūd Muṣṭafā Ja‘far (2007), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn fī Thawbihi al-Jadīd*, Kaherah: Dār al-Salām, h. 525.

a) *Al-I'tiqādiyyah.*

Hukum *al-I'tiqādiyyah* ialah hukum-hukum yang mana manusia wajib beriman dengannya.<sup>69</sup> Contohnya firman Allah dalam surah Yūnus ayat yang ke-26 yang berbunyi ( *لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا الْحُسْنَىٰ وَزِيَادَةٌ* ). Rasulullah mentafsirkan *al-Husnā* dalam ayat ini sebagai syurga.<sup>70</sup> Syurga merupakan perkara ghaib yang wajib diimani kewujudannya oleh umat Islam.

b) *Al-'Amaliyyah.*

Hukum *al-'Amaliyyah* ialah hukum-hukum yang mana manusia wajib melaksanakannya.<sup>71</sup> Contohnya ialah firman Allah dalam surah Āli 'Imrān ayat ke-97 yang berbunyi ( *وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا* ). Rasulullah mentafsirkan *istiṭā'ah al-Sabīl* sebagai perjalanan yang jauh.<sup>72</sup>

c) *Al-Khuluqiyah.*

Hukum-hukum *al-Khuluqiyah* ialah hukum-hukum yang mana manusia perlu memenuhi jiwa-jiwa mereka dengan kebaikan-kebaikan dan mengosongkan jiwa-jiwa mereka daripada perkara-perkara yang buruk.<sup>73</sup> Contohnya firman Allah dalam surah al-Mā'idah ayat ke 27 yang berbunyi ( *قَالَ* *إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ* ). Rasulullah mentafsirkan ayat ini sebagai tiada sifat lalai

---

<sup>69</sup> *Ibid.*, h. 525.

<sup>70</sup> *Ibid.*, h. 410.

<sup>71</sup> *Ibid.*, h. 525.

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 410.

<sup>73</sup> *Ibid.*, h. 525.



ketika beramal.<sup>74</sup> Sifat tidak lalai ini merupakan sifat jiwa bagi orang yang beriman dan taqwa merupakan intipati kepada akhlak mulia.

## 1.5 Metodologi Tafsir Ayat Hukum

Perbahasan ini dibahagikan kepada dua iaitu metode penyusunan dan metode pentafsiran.

### 1.5.1 Metode penyusunan kitab tafsir ayat hukum

Beberapa metode penyusunan kitab tafsir ayat hukum telah dikenalpasti. Para ulamak menempuh jalannya sendiri-sendiri dalam menyusun kitab tafsir mereka. Secara umumnya, metode tersebut antaranya :<sup>75</sup>

- a) Disusun berdasarkan bab-bab sebagaimana bab-bab fekah. Setiap bab diberi tajuk yang sesuai dengan masalah yang akan disampaikan. Metode ini seperti yang dilakukan oleh al-Jaṣṣāṣ dalam kitabnya.
- b) Menyebutkan surah kemudian menyebutkan sejumlah ayat hukum di dalamnya dan menjelaskan ayat demi ayat dengan mengatakan misalnya : “ayat yang pertama mengandungi lima masalah”. Metode ini diterapkan oleh Ibn al-‘Arabī.
- c) Disusun berdasarkan urutan surah, menyebutkan nama surah, ayat berkaitan dengan ayat hukum di bawahnya disebutkan masalah yang akan dibahas. Seperti kalimah “dalam ayat ini

---

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 525.

<sup>75</sup> Humaedi (2006), *op.cit.*, h. 91.

mengandung 21 masalah, pertama...kedua... dan seterusnya”.

Metode ini seperti yang telah dilakukan oleh al-Qurtubī.

- d) Disusun tidak berdasarkan urutan surah tetapi disusun berdasarkan bab-bab sebagaimana bab-abab dalam fiqh. Pada setiap bab dimasukkan ayat-ayat di bawah satu tajuk seperti bab *tahārah* . Dalam bab ini didatangkan ayat-ayat al-Quran dengan disertakan penjelasan yang tajam, menjelaskan hukum-hukum yang bersesuaian dengan pendapat al-Imam al-Ithnā ‘Ashariyah dengan pertentangannya dengan mazhab lain. Metode ini diterapkan oleh Miqdād al-Suyurī dalam kitabnya *Kanz al-‘Irfān*.
- e) Disusun berdasarkan urutan mushaf. Pertama menyebutkan ayat kemudian menyebutkan *asbāb al-Nuzūl* dan menjelaskan hukum syarak seperti ungkapan “ ayat ini mempunyai beberapa faedah (hukum-hukm syarak) yang pertama seperti... kedua... dan seterusnya”. Metode ini seperti yang dilakukan oleh al-Zaydī dalam kitabnya *al-Thamarāt al-Yāni‘ah*.

### 1.5.2 Metode pentafsiran ayat hukum

Secara umumnya terdapat beberapa corak pentafsiran ayat-ayat hukum yang meliputi sumber pengambilan tafsir dan perbincangan hukum-hukum fiqh.

Antaranya ialah:

- a) Pentafsiran berdasarkan sumber *al-Ma‘thūr* iaitu mentafsirkan ayat dengan ayat al-Quran, hadis, pendapat sahabat dan pendapat tabi’in. Contohnya tafsir yang dilakukan oleh Imam Aḥmad bin Ḥanbal. Beliau mentafsirkan ayat-ayat hukum berdasarkan ayat

al-Quran dan hadis yang sahih. Selain daripada itu juga beliau akan merujuk tafsiran sahabat dan tabi'in.<sup>76</sup> Begitu juga dengan Imam al-Qurṭubī yang banyak mengemukakan hadis-hadis sebagai sumber pentafsirannya di dalam kitab beliau yang bertajuk *Aḥkām al-Qur'an*.<sup>77</sup> Sebagaimana kata-kata beliau dalam kitab tafsirnya yang bermaksud:

...dan aku meletakkan dua syarat di dalam kitabku ini, iaitu [1] menyandarkan setiap perkataan kepada orang yang menyebutnya dan [2] menyatakan hadis dari sumbernya yang asal. Kerana para ulama menyatakan bahawa keberkatan ilmu itu didapati daripada setiap komentar yang disandarkan kepada orang yang mengatakannya dan juga setiap hadis itu di sebutkan sumber asalnya.<sup>78</sup>

- b) Pentafsiran berdasarkan aspek pengajian al-Quran iaitu mentafsirkan ayat-ayat hukum bersumberkan aspek-aspek dalam pengajian al-Quran contohnya aspek bahasa, *asbāb al-Nuzūl*, *qirā'at* al-Quran dan seumpamanya. Contohnya tafsir *Aḥkām al-Qur'an* yang ditulis oleh Imam al-Qurṭubī. Dalam kitab ini, beliau banyak mengemukakan *i'rāb* kalimah untuk menjelaskan dan mensyarahkan perkataan. Beliau mengambil pendapat daripada 'Umar r.a. yang berkata bahawa: "sesiapa yang membaca al-Quran hendaklah mengi'rābkannya kerana ia menjadi saksi di sisi Allah". Selain daripada itu, beliau juga menggunakan kepakarannya dalam ilmu nahu, membawa bait-bait syair, mendatangkan *qirā'at* dan sebab penurunan ayat serta

---

<sup>76</sup> 'Abd al-Ghafūr Maḥmūd Muṣṭafā Ja'far (2007), *op.cit.*, h. 528.

<sup>77</sup> Dr. Yāsīn al-Āyūbī (t.t.), *Raudāt al-Jinān fī al-Jāmi' li Aḥkām al-Quran*, j.1, Beirut: Dār al-Arqām, h. 8.

<sup>78</sup> *Ibid.*

mensyarahkan lafaz-lafaz *gharīb* ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum.<sup>79</sup>

- c) Pentafsiran berdasarkan perbincangan hukum fiqh iaitu mengemukakan permasalahan dalam hukum fiqh. Contohnya kitab *Aḥkām al-Qur'an* yang ditulis oleh Abū Bakr Aḥmad bin 'Alī al-Rāzī yang lebih dikenali sebagai al-Jaṣṣāṣ. Beliau mengemukakan hukum-hukum fiqh berdasarkan perselisihan yang berlaku antara mazhab.<sup>80</sup> Selain daripada itu, kitab *Aḥkām al-Qur'an* yang ditulis oleh Imam Ibn al-'Arabī<sup>81</sup> juga banyak menyebut pendapat ulamak ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum.<sup>82</sup> Begitu juga dengan manhaj yang dibawa oleh Imam al-Qurṭubī dalam kitab tafsirnya yang banyak mengemukakan masalah *khilafiyah* dan mendatangkan hujah-hujah bagi setiap pendapat.<sup>83</sup>

## 1.6 Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa tafsir ayat-ayat hukum telah bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w sehinggalah munculnya suasana penulisan dan pembukuan. Perbezaan yang begitu ketara diantara dua zaman ini ialah rujukan umat Islam pada zaman Rasulullah s.a.w hanya kepada baginda sebagai

---

<sup>79</sup> *Ibid.*, h. 17.

<sup>80</sup> Mannā' al-Qattān (t.t), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'an*, Riyadh: Mu'assasah al-Risālah, h. 377.

<sup>81</sup> Beliau adalah Muḥammad bin 'Abdullah bin Muḥammad 'Abdullah bin Aḥmad bin Al-'Arabī Al-Isbīlī Al-Mālikī. Dikenali juga sebagai Abū Bakr, manakala bapanya pula merupakan seorang ulama fiqh. Ibnu Al-'Arabī berkongsi gelaran dengan Ibnu 'Arabī Al-Ṣūfī, namun begitu mereka berdua dibezakan dengan alif dan lam. Ibnu Al-'Arabī mempunyai alif dan lam yang dikenali sebagai ahli tafsir manakala Ibnu 'Arabī tanpa alif dan lam dikenali sebagai ahli sufi.

<sup>82</sup> Mannā' al-Qattān (t.t), *op.cit.*, h. 379.

<sup>83</sup> *Ibid.*, h. 380

sumber utama tafsir ayat-ayat hukum. Manakala pada zaman penulisan dan pembukuan telah berlakunya suasana taksub kepada mazhab dan penyelewengan dalam tafsir ini. Metodologi tafsir ayat hukum umumnya bergantung kepada ahli tafsir itu sendiri sama ada menjadikan ayat-ayat hukum itu sebagai fokus utama dalam pentafsirannya atau sebaliknya.